

Headline	Rebut peluang pasaran halal Indonesia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	14	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	162 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MY 3,231
Frequency	Daily	PR Value	MY 9,693



## Rebut peluang pasaran halal Indonesia

KUALA LUMPUR 31 Mei - Pengusaha produk dan pembekal perkhidmatan halal tempatan digesa merebut peluang menembusi pasaran Indonesia yang mempunyai penduduk Islam teramai dunia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir (**gambar**) berkata, permintaan terhadap produk atau perkhidmatan halal di negara itu cukup tinggi dan tidak tertumpu kepada produk makanan serta minuman sahaja.

"Tahun lalu, eksport produk halal tempatan ke Indonesia bernilai RM600 juta. Permintaannya cukup besar tetapi penglibatan pengusaha produk halal tempatan masih belum memuaskan.

"Sebagai contoh, jumlah eksport produk halal dari China ke Indonesia pada tahun lalu menyaksikan peningkatan membe-rangsangkan. Justeru, kita harus rebut peluang untuk menembusi pasaran halal di sana," katanya ketika berucap merasmikan majlis konvokesyen Program Eksekutif Halal (HEP) 2/2011 di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dekat si-

ni hari ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC), Datuk Seri Jamil Bidin.

Pada majlis tersebut, Mukhriz menyampaikan sijil kepada 70 graduan HEP iaitu program yang bermula sejak Julai 2010 dengan matlamat melahirkan individu berpengetahuan tinggi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri halal.

Mengulas lanjut, katanya, walaupun jumlah eksport produk halal tempatan ke Indonesia boleh ditingkatkan, namun Malaysia masih pengeksport produk halal terbesar dalam kalangan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Tahun lalu jumlah eksport halal negara mencecah RM30 bilion dan ia terdiri daripada produk makanan dan bukan makanan. Jumlah itu tidak termasuk eksport minyak sawit," ujarnya.

Sementara itu, dari segi pen-



sijilan halal pula katanya, sebanyak 4,787 sijil halal telah dikeluarkan tahun lalu kepada pengilang, premis dan rumah sembelihan dengan 80 peratus daripadanya adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Namun, 30 peratus daripada peratusan berkenaan merupakan perusahaan bumiputera. Tumpuan perusahaan pula lebih kepada pengeluaran makanan dan minuman. Oleh itu, saya sarankan agar ditumpu kepada pengeluaran-pengeluaran lain seperti farmaseutikal dan kosmetik," tambahnya.

Terdahulu, beliau turut melancarkan Program Eksekutif Penganalisis Halal (HAP).

HAP ialah program terbaru yang ditawarkan bagi melengkapkan pengalaman peserta mengendalikan analisis halal secara saintifik di samping memenuhi keperluan Prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan Standard Malaysia 1500:2009.